



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# NILAI MURNI DALAM ADAT TUJUH BURUNG OMEN YANG MEMBENTUK KARAKTER MURID-MURID IBAN DI SEKOLAH

TONY ANAK MULOK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NILAI MURNI DALAM ADAT TUJUH BURUNG OMEN YANG MEMBENTUK  
KARAKTER MURID-MURID IBAN DI SEKOLAH**

**TONY ANAK MULOK**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ....06...(hari bulan).....02..... (bulan) 20...24..

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, TONY ANAK MULOK M20191000749 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk NILAI MURNI DALAM ADAT TUJUH BURUNG OMEN YANG MEMBENTUK KARAKTER MURID-MURID IBAN DI SEKOLAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. ROHAYATI BINTI JUNAIDI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk NILAI MURNI DALAM ADAT TUJUH BURUNG OMEN YANG MEMBENTUK KARAKTER MURID-MURID IBAN DI SEKOLAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA IBAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22/03/2024

Tarikh

Dr. Rohayati Junaidi  
Jabatan Bahasa dan Keusahasteraan Melayu  
Pakull Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35000 Tanjung Malim, Perak

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: NILAI MURNI DALAM ADAT TUJUH BURUNG OMEN YANG MEMBENTUK  
KARAKTER MURID-MURID IBAN DI SEKOLAH

No. Matrik / Matric's No.: M20191000749

Saya / I : TONY ANAK MULOK

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ☒ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ☒ ) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
Dr. Rohayati Junaidi  
Jabatan Bahasa dan Keusahasteraan Melayu  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 25 MAC 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Segala pujian dan ucap syukur saya tujukan kepada Tuhan kerana dengan izinNya, penyelidikan ini telah sampai di penghujungnya. Sepanjang proses perlaksanaannya, saya mengucapkan jutaan terima kasih ucapkan kepada semua pihak, khususnya kepada staf-staf di Institusi Pengajian Siswazah dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Dengan adanya maklumat daripada kalian, penyelidikan ini berjaya dilaksanakan mengikut panduan yang telah ditetapkan. Seterusnya terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya iaitu Dr. Rohayati Binti Junaidi dan penyelia bersama iaitu Puan Saripah Anak Banseng yang banyak memberikan tunjuk ajar serta inspirasi dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Beliau banyak memberikan nasihat serta pandangan untuk saya menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Terima kasih ini juga saya tujukan kepada ahli keluarga, para responden dan rakan-rakan seperjuangan dan semua yang berkongsi dorongan, kerjasama, nasihat dan pandangan dari mula hinggalah kajian ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Akhir sekali ucapan dedikasi penghargaan ini saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini. Harapan saya, semoga penulisan dan penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua, khususnya dalam perkembangan bidang pendidikan Bahasa Iban di sekolah-sekolah yang terdapat di Sarawak.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen yang menjadi wadah pembentuk karakter murid-murid Iban di sekolah. Penyelidikan ini mengandungi tiga objektif iaitu menyenaraikan bahasa kiasan dalam petanda baik dan petanda buruk tujuh burung omen, kedua menganalisis fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen melalui pendidikan formal dan pendidikan informal, manakala ketiga ialah menganalisis nilai murni dalam adat tujuh burung omen yang membentuk karakter murid di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan pengumpulan data dalam kajian ini ialah berdasarkan kepada dua sumber utama iaitu temu bual dan pemerhatian. Kaedah pensampelan turut digunakan dalam kajian ini untuk melihat kesesuaian responden yang dipilih bagi menjawab objektif kajian. Hasil daripada tinjauan akhir seramai 10 orang responden dipilih daripada sumber pendidikan informal seperti *manang* dan *lemambang* yang menjadi kunci dalam mendidik dan membentuk karakter murid-murid dalam masyarakat Iban. Hasil kajian ini menemukan terdapat banyak penggunaan bahasa kiasan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen untuk mengiaskan perkataan mati seperti *madam ke suluh mata*. Dapatan kajian yang kedua pula menunjukkan fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen melalui pendidikan formal dan informal adalah sama iaitu untuk mendidik dan menjadi panduan yang digunakan dalam kehidupan para murid, guru dan masyarakat Iban itu sendiri. Seterusnya dapatan kajian ketiga menunjukkan banyak nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, bekerjasama, tolong menolong, rajin, toleransi dan sebagainya yang amat sesuai diterapkan kepada murid Iban di sekolah. Rumusannya, penyelidikan ini membuktikan adat dan kepercayaan ini amat sesuai untuk membantu guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk karakter para murid Iban di sekolah melalui penggunaan bahasa kiasan ketika berkomunikasi dan penerapan nilai murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Implikasi kajian ini ialah kepada para murid di sekolah kerana ia dijadikan sebagai alat pembentukan karakter, kedua menjadi sumber rujukan kepada guru bahasa Iban, ketiga membantu Kementerian Pendidikan Malaysia menjayakan Program TS25, dan terakhir memperbanyakkan topik dalam DSKP bahasa Iban.





## MORAL VALUES IN CUSTOMS OF THE SEVEN BIRDS OF OMEN THAT DEVELOPING THE CHARACTER OF IBAN STUDENTS IN SCHOOL

### ABSTRACT

This study aims to analyze the moral values in the customs and beliefs of the seven birds of omen that become a vehicle for shaping the character of Iban students in school. This research contains three objectives which are to list the figurative language in the good omens and bad omens of the seven omen birds, the second is to analyze the function of the customs and beliefs of the seven omen birds through formal education and informal education, while the third is to analyze the virtues in the customs of the seven omen birds that form the character of students in school. This study uses qualitative methods, and data collection in this study is based on two main sources, namely interviews and observations. The sampling method was also used in this study to see the suitability of the selected respondents to answer the objectives of the study. As a result of the final survey, a total of 10 respondents were selected from informal education sources such as *manang* and *lemambang*, which are key in educating and shaping the character of students in the Iban community. The results of this study found a lot of use of figurative language in the customs and beliefs of the seven omen birds to embellish the word dead such as *madam* to *suluh mata*. The findings of the second study show that the function of customs and beliefs of the seven birds of omen through formal and informal education is the same, which is to educate and be a guide used in the lives of students, teachers and the Iban community itself. Next, the findings of the third study show many moral values, such as respect, cooperation, helping each other, diligence, tolerance, and so on, which are very suitable to be applied to Iban students in school. In conclusion, this research proves that these customs and beliefs are very suitable to help teachers and the Malaysian Ministry of Education in shaping the character of Iban students at school through figurative language when communicating and applying moral values in Teaching and Learning. The implication of this study is for the students in school because it is used as a character-building tool, secondly as a reference source for Iban language teachers, thirdly to help the Malaysian Ministry of Education succeed in the TS25 Program, and lastly to increase the number of topics in the Iban language DSKP.



## KANDUNGAN

|                                                                           | Muka Surat |
|---------------------------------------------------------------------------|------------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>                                        | ii         |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN DESERTASI</b>                                    | iii        |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                                        | iv         |
| <b>ABSTRAK</b>                                                            | v          |
| <b>ABSTRACT</b>                                                           | vi         |
| <b>KANDUNGAN</b>                                                          | vii        |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                                     | xii        |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                                      | xiii       |
| <b>LAMPIRAN</b>                                                           | xv         |
| <br><b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                                              |            |
| 1.1 Pendahuluan                                                           | 1          |
| 1.2 Latar Belakang                                                        | 2          |
| 1.2.1 Latar belakang masyarakat Iban di Sarawak                           | 2          |
| 1.2.2 Latar belakang pendidikan Bahasa Iban di Sarawak                    | 4          |
| 1.2.2.1 Perkembangan Bahasa Iban di Sarawak                               | 4          |
| 1.2.2.2 Pendidikan bahasa Iban mula diperkenalkan di Sarawak              | 6          |
| 1.2.3 Latar belakang tujuh burung omen yang menjelaskan nilai-nilai murni | 7          |
| 1.3 Pernyataan masalah                                                    | 15         |

|         |                                                                                            |    |
|---------|--------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.4     | Objektif kajian.                                                                           | 19 |
| 1.5     | Soalan kajian.                                                                             | 20 |
| 1.6     | Kepentingan kajian                                                                         | 20 |
| 1.6.1   | Bidang pendidikan Bahasa Iban                                                              | 20 |
| 1.6.1.1 | Bidang Bahasa Iban                                                                         | 21 |
| 1.6.1.2 | Guru Bahasa Iban                                                                           | 22 |
| 1.6.1.3 | Murid Iban di sekolah                                                                      | 24 |
| 1.6.2   | Masyarakat Iban                                                                            | 25 |
| 1.6.3   | Pengkaji seterusnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda (IPG), Sarjana dan Sarjana Kedoktoran | 26 |
| 1.7     | Skop kajian                                                                                | 28 |
| 1.8     | Definisi operasional                                                                       | 32 |
| 1.9     | Penutup                                                                                    | 43 |

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|     |                                                                                     |    |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1 | Pendahuluan                                                                         | 45 |
| 2.2 | Kajian Lepas Berkaitan Asal Usul Masyarakat Iban                                    | 47 |
| 2.3 | Kajian Lepas Berkaitan adat dan kepercayaan masyarakat melalui burung <i>omen</i> . | 49 |
| 2.4 | Kajian Lepas Mengenai Bahasa Kiasan dalam Masyarakat di Malaysia                    | 64 |
| 2.5 | Kajian Lepas Berkaitan Nilai Murni dalam Pendidikan                                 | 68 |
| 2.6 | Kajian Lepas Berkaitan Isu-Isu Berteraskan Adat dan Kepercayaan Masyarakat Iban     | 75 |
| 2.7 | Kajian Lepas Berkaitan Teori Arketaip                                               | 80 |
| 2.8 | Kajian Lepas Berkaitan Teori Pendekatan Moral                                       | 90 |

|     |         |    |
|-----|---------|----|
| 2.9 | Penutup | 93 |
|-----|---------|----|

### **BAB 3 METODOLOGI**

|       |                                                     |     |
|-------|-----------------------------------------------------|-----|
| 3.1   | Pendahuluan                                         | 96  |
| 3.2   | Reka bentuk kajian                                  | 97  |
| 3.3   | Reka bentuk konseptual                              | 104 |
| 3.4   | Pensampelan Bertujuan                               | 110 |
| 3.4.1 | Latar belakang                                      | 114 |
| 3.4.2 | Pengalaman                                          | 116 |
| 3.4.3 | Umur                                                | 120 |
| 3.5   | Instrumen kajian                                    | 122 |
| 3.5.1 | Temu bual dengan responden pendidikan informal      | 123 |
| 3.5.2 | Kajian pustaka                                      | 127 |
| 3.5.3 | Rakaman                                             | 129 |
| 3.5.4 | Kaedah lain                                         | 131 |
| 3.5.5 | Pemerhatian                                         | 132 |
| 3.6   | Prosedur pengumpulan data                           | 134 |
| 3.6.1 | Prosedur pengumpulan data temu bual dan pemerhatian | 135 |
| 3.6.2 | Prosedur pengumpulan data kepustakaan               | 138 |
| 3.7   | Kaedah analisis data                                | 139 |
| 3.8   | Kesahan dan kebolehpercayaan                        | 142 |
| 3.8.1 | Temu bual dan pemerhatian                           | 144 |
| 3.8.2 | Kajian kepustakaan                                  | 144 |
| 3.9   | Penutup                                             | 145 |

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|       |                                                                                                                |     |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.1   | Pendahuluan                                                                                                    | 147 |
| 4.2   | Demografi responden pendidikan informal                                                                        | 147 |
| 4.3   | Senarai penggunaan bahasa kiasan dalam petanda yang disampaikan melalui adat dan kepercayaan tujuh burung omen | 150 |
| 4.3.1 | Bahasa kiasan dalam petanda baik tujuh burung omen                                                             | 152 |
| 4.3.2 | Bahasa kiasan dalam petanda buruk tujuh burung omen                                                            | 158 |
| 4.4   | Analisis fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen melalui pendidikan formal dan pendidikan informal.      | 165 |
| 4.4.1 | Fungsi Pendidikan Formal                                                                                       | 166 |
| 4.4.2 | Fungsi Pendidikan Informal                                                                                     | 175 |
| 4.5   | Nilai Murni Dalam Adat Dan Kepercayaan Tujuh Burung Omen                                                       | 192 |
| 4.6   | Penutup                                                                                                        | 202 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

|       |                                                                                                          |     |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pendahuluan                                                                                              | 204 |
| 5.2   | Perbincangan mengenai bahasa kiasan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen                         | 205 |
| 5.3   | Perbincangan mengenai Bahasa dan Kiasan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.                    | 208 |
| 5.4   | Perbincangan mengenai fungsi pendidikan formal dan informal dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen | 212 |
| 5.5   | Perbincangan mengenai nilai murni yang terkandung dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.          | 217 |
| 5.6   | Perbincangan mengenai masalah                                                                            | 220 |
| 5.7   | Cadangan kajian                                                                                          | 224 |
| 5.7.1 | Cadangan mengekalkan dan melestarikan adat dan kepercayaan tujuh burung omen                             | 224 |

|                 |                                               |     |
|-----------------|-----------------------------------------------|-----|
| 5.7.2           | Cadangan kajian lanjutan                      | 228 |
| 5.8             | Implikasi kajian                              | 231 |
| 5.8.1           | Implikasi kepada murid-murid Iban di sekolah  | 231 |
| 5.8.2           | Implikasi kepada sekolah dan guru bahasa Iban | 232 |
| 5.8.3           | Implikasi kepada jabatan bahasa Iban          | 234 |
| 5.8.4           | Implikasi kepada pengkaji seterusnya          | 234 |
| 5.8.5           | Implikasi kepada masyarakat Iban              | 235 |
| 5.9             | Penutup                                       | 235 |
| <b>RUJUKAN</b>  |                                               | 238 |
| <b>LAMPIRAN</b> |                                               | 246 |

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b> |                                                                               | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.1               | Nama tujuh burung omen                                                        | 14                |
| 1.2               | Bilangan pakar di lokasi yang dipilih                                         | 32                |
| 2.1               | Susunan bilek dalam rumah panjang Sengalang Burung<br>(Benedict Sandin, 1980) | 55                |
| 3.1               | Sampel temu bual melalui responden pendidikan informal                        | 112               |
| 4.1               | Bahasa kiasan yang terdapat dalam petanda baik tujuh<br>burung omen           | 153               |
| 4.2               | Bahasa kiasan yang terdapat dalam petanda buruk tujuh<br>burung omen          | 159               |
| 4.3               | Fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen menurut<br>responden 8          | 179               |
| 4.4               | Nilai-nilai murni menurut responden 8                                         | 195               |
| 4.5               | Nilai murni melalui data pemerhatian                                          | 200               |

## SENARAI RAJAH

| No. Rajah |                                                                                                       | Muka Surat |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1       | Kategori haiwan yang digunakan dalam adat <i>berburung</i> (Nalong dan Johnny, 2007)                  | 13         |
| 1.2       | Peta Sarawak (Skop Kajian)                                                                            | 31         |
| 2.1       | Cara masyarakat Iban berhubung dengan Petara (Patricia Ganing, 2017:24) dan (Nalong dan Johnny, 2007) | 50         |
| 2.2       | Gambar tujuh burung omen (Nalong dan Johnny, 2007)                                                    | 53         |
| 2.3       | Model fungsi pendidikan (Kitting, 2016:319)                                                           | 69         |
| 2.4       | Nilai murni dalam sistem Bombon (Jacinta dan Asmiaty (2020:131-132)                                   | 73         |
| 2.5       | Pendekatan teori arketaip yang digunakan oleh Laura Seman (2020)                                      | 82         |
| 2.6       | Kerangka teori                                                                                        | 84         |
| 3.1       | Reka bentuk kajian                                                                                    | 100        |
| 3.2       | Reka bentuk konseptual                                                                                | 105        |
| 3.3       | Tiga kriteria dalam pemilihan responden kajian                                                        | 113        |
| 3.4       | Representasi dalam pengalaman (Kiyai, 2021)                                                           | 118        |
| 3.5       | Instrumen kajian                                                                                      | 123        |
| 3.6       | Komponen temu bual (Othman, 2009)                                                                     | 124        |
| 3.7       | Prosedur pengumpulan data temu bual dan pemerhatian                                                   | 136        |
| 3.8       | Kaedah analisis data                                                                                  | 140        |
| 4.1       | Gambar anak ayam                                                                                      | 188        |

|     |                                                        |     |
|-----|--------------------------------------------------------|-----|
| 4.2 | Gambar <i>piring ngintu burung</i>                     | 189 |
| 4.3 | Gambar upacara miring <i>Ngentak Tiang Rumah</i>       | 190 |
| 5.1 | Cadangan topik dan idea baru untuk pengkaji seterusnya | 230 |



## SENARAI LAMPIRAN

|                                                   | Muka Surat |
|---------------------------------------------------|------------|
| A Borang maklumat responden                       | 246        |
| B Soalan temu bual dan borang pemerhatian         | 247        |
| C Lampiran gambar tujuh burung omen               | 253        |
| D Lampiran borang maklumat responden yang lengkap | 257        |
| E Kesahan pakar                                   | 267        |





## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pendahuluan

Bab pendahuluan memerihalkan objektif kajian, soalan, kepentingan, dan skop kajian. Asal-usul masyarakat Iban turut dibincangkan di latar belakang kajian bagi mengembangkan idea dan mewujudkan soalan kajian bagi menjawab kepada objektif penyelidikan yang dibangkitkan. Penyelidikan ini juga menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Tujuh burung omen yang terdapat dalam sistem kepercayaan masyarakat Iban adalah seperti *ketupong/entis*, *beragai*, *bejampung*, *nendak*, *embuas*, *papau*, dan *pangkas*. Menurut Osup (2011) adat dan kepercayaan tujuh burung omen dapat dijadikan panduan guru-guru di sekolah untuk membentuk karakter murid-murid melalui penggunaan bahasa kiasan serta penerapan nilai-nilai moral. Adat dan kepercayaan tujuh burung omen sarat





mengandungi nilai-nilai moral yang dapat digunakan dalam mendidik murid-murid Iban di sekolah ketika menjalani pendidikan formal dan pendidikan informal. Oleh hal yang demikian kajian ini amat bermanfaat kepada guru-guru di sekolah kerana secara tidak langsung membantu guru merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk kemenjadian murid.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Ade Suyitno (2016) menjelaskan latar belakang sebagai landasan utama bagi para pengkaji untuk memberi gambaran mahupun pemahaman kepada pembaca mengenai idea dan pemikiran yang akan disampaikan dalam sesebuah kajian yang akan dijalankan. Dalam latar belakang kajian ini mengupas asal usul, cara hidup, faktor perpindahan dan adat dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengupas secara mendalam mengenai masyarakat Iban ialah untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca mengenai masyarakat Iban. Di akhir latar belakang kajian ini menjelaskan secara mendalam mengenai adat dan kepercayaan masyarakat Iban dalam tujuh burung omen. Kajian ini menganalisis nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban melalui tujuh burung omen.

### **1.2.1 Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak**

Negeri Sarawak mempunyai 27 etnik utama dan terdapat berpuluh-puluh lagi rumpun peribumi yang mengamalkan nilai dan kepercayaan adat resam yang berbeza-beza mengikut bahagian kediaman mereka di kawasan bandar mahupun luar bandar.





Menurut Chemaline Osup (2006:1) dalam tesisnya bertajuk *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – satu Analisis Bentuk dan fungsi* menyatakan masyarakat Iban merupakan komuniti yang terbesar di Sarawak (Bumi Kenyalang), manakala di Malaysia masyarakat Iban merupakan yang ketiga terbesar selepas bangsa Melayu dan Cina.

Masyarakat Iban berasal dari Kalimantan atau Sumatera (Indonesia) sebelum berpindah ke Sarawak. Nalong dan Johnny (2007) menyatakan perpindahan masyarakat Iban ke Sarawak telah melalui empat *renggat* (fasa). (1) Fasa perpindahan masyarakat Iban yang pertama ialah dianggarkan berlaku sebelum tahun 1800. (2) Fasa kedua pula Nalong dan Johnny (2007:16) menjelaskan perpindahan masyarakat Iban dianggarkan berlaku pada tahun 1800 sehingga tahun 1850 dan masyarakat Iban memilih untuk mendiami kawasan seperti Awik (Batang Rajang), Binatang (Bintangor), Sibui, Kanowit, Julau, Entabai, Poi, Dap, Ngemah, Katibas dan Melipis. (3) Fasa ketiga pula dianggarkan sekitar tahun 1850 sehingga tahun 1900 dan (4) fasa terakhir bagi masyarakat Iban dianggarkan pada tahun 1900 sehingga tahun 1941.

Perpindahan yang berlaku di antara masyarakat Iban juga berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang wujud menyebabkan mereka berpindah mahupun migrasi dari satu tempat ke tempat yang lain. Pertama adalah disebabkan oleh faktor ekologi, di mana komuniti ini percaya bahawa kejayaan berterusan dalam pertanian boleh meningkatkan imej dan prestij mereka (Chemaline, 2006: 4). Selain itu Chemaline Osup (2006:4) turut menegaskan faktor utama kepada perpindahan masyarakat Iban ialah penerokaan tanah baru bagi tujuan survival, ekologi dan budaya mereka. Ini kerana masyarakat Iban banyak mengamalkan aktiviti-aktiviti pertanian seperti *bumai* atau lebih dikenali dengan aktiviti menanam padi. Oleh itu perpindahan dari satu kawasan



ke kawasan lain adalah amat penting bagi meneroka dan mewujudkan kawasan hutan baru untuk dijadikan tempat berhuma.

## **1.2.2 Latar Belakang Pendidikan Bahasa Iban di Sarawak**

Pendidikan bahasa Iban di Sarawak tidak banyak diketahui oleh masyarakat Iban khasnya murid-murid yang mengetahui asal usul dan perkembangan pendidikan bahasa Iban di Sarawak. Malah golongan muda ataupun murid-murid di sekolah juga tidak mengetahui sejarah bahasa Iban mula diperkenalkan di sekolah-sekolah. Oleh itu dalam latar belakang kajian ini penyelidik menerangkan perkembangan bahasa Iban di Sarawak dan permulaan bahasa Iban diperkenalkan dalam pendidikan di sekolah rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

### **1.2.2.1 Perkembangan Bahasa Iban di Sarawak**

Chemaline dan Padang (2011:4) menyatakan sistem *jaku* (bahasa) Iban mula digunakan secara meluas di Sarawak bermula pada tahun 1800. Faktor bahasa Iban mula digunakan secara meluas sejak 1800 adalah ekoran daripada perluasan dan perkembangan ekonomi, sosial dan politik. Selain itu faktor lain yang mempengaruhi perkembangan bahasa Iban di Sarawak adalah kerana bilangan masyarakat Iban yang banyak di negeri tersebut. Oleh itu perkembangan dan penggunaan bahasa Iban di Sarawak terus meluas dan disokong oleh Rajah Brooke ketika beliau memerintah Sarawak pada tahun 1841 sehingga 1941.



Selain fungsi bahasa Iban yang digunakan secara meluas dalam bidang ekonomi, sosial dan politik, bahasa Iban juga mempunyai tujuan yang lain iaitu digunakan sebagai penyatuan antara etnik-etnik yang terdapat di Sarawak. Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke bahasa Iban digunakan secara meluas di negeri Sarawak kerana ketika itu negeri Sarawak belum mempunyai bahasa rasmi yang digunakan untuk berkomunikasi dan berinteraksi. Apabila dipandang daripada sudut lainnya penyatuan masyarakat Iban ketika itu dilakukan mereka melalui sistem bahasa yang digunakan oleh mereka. Oleh hal yang demikian, tidak hairan mengapa hari ini kebanyakan masyarakat lain seperti masyarakat Bidayuh, Kayan, Kelabit, Lun Bawang dan banyak lagi etnik yang lain fasih dalam berbahasa Iban.

Perkembangan Bahasa Iban juga dilihat apabila Rajah Brooke menggunakan Bahasa Iban sebagai pengantar dalam agama Kristian (Chemaline dan Padang, 2011:4). Agama Kristian merupakan agama yang berasal daripada Inggeris kerana agama Kristian mula dibawa masuk oleh pemerintahan Inggeris sejak 200 tahun dahulu. Namun begitu dalam penyebaran agama Kristian Rajah Brooke menggunakan Bahasa Iban sebagai pengantar kerana lebih daripada 50% masyarakat yang mendiami Sarawak adalah berbangsa Iban. Oleh itu tidak hairan pada hari ini kita melihat banyak masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak telah menganuti agama Kristian dan menggunakan bahasa Iban ketika beribadah di gereja mahupun di sekolah yang mempunyai kelab-kelab agama Kristian.





### 1.2.2.2 Pendidikan Bahasa Iban Mula Diperkenalkan di Sekolah

Menurut Chemaline dan Padang (2011) bahasa Iban mula diperkenalkan di sekolah pada tahun 1853 sehingga tahun 1963. Sekolah pertama yang diperkenalkan dengan subjek bahasa Iban ialah sekolah St. Paul, Banting pada tahun 1853 sebelum ia dikembangkan ke sekolah-sekolah yang lain seperti St. Francis Xavier, Kanowit tahun 1884, St. Luke Simanggang tahun 1893, St. Augustine Betong tahun 1920, St. Margaret Betong tahun 1925 dan sekolah yang terakhir, iaitu St Christopher Debak pada tahun 1925. Enam sekolah tersebut merupakan sekolah terawal yang mula diperkenalkan dan mewujudkan bahasa Iban ke dalam bidang pendidikan yang terdapat di Malaysia.

Di sekolah menengah pula bahasa Iban mula diperkenalkan pada tahun 1964 oleh kementerian pendidikan di Sarawak yang menggunakan *The Curricular and Syllabuses for Junior School* sebagai landasan dalam pembinaan kurikulum bahasa Iban pada masa itu. Pada masa tersebut jumlah waktu yang ditawarkan untuk mengajar bahasa Iban hanyalah 120 minit seminggu dan elemen-elemen mahupun topik-topik yang digubal ialah berkaitan dengan *pengelandik berandau* (kemahiran bertutur), *macha* (membaca) dan *nulis* (menulis). Sistem bahasa Iban pada ketika itu hanya dijadikan sebagai pembelajaran dan pemahaman kepada murid-murid yang berketurunan Iban dalam memahami serta mendalami puisi-puisi bahasa Iban yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Subjek Bahasa Iban di Sarawak terus berkembang seiring dengan peredaran waktu dan bahasa Iban telah banyak diberi sokongan penuh daripada kementerian Pendidikan, kapasiti guru telah ditambah, belanjawan dan program-program banyak dilaksanakan bermula pada tahun 1996. Sistem kurikulum bahasa Iban juga telah dibahagikan kepada dua, iaitu sistem kurikulum sekolah menengah dan sistem sekolah





rendah. Namun Bahasa Iban belum rasmi dijadikan sebagai subjek yang perlu menduduki peperiksaan awam seperti Peperiksaan Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Pada tahun 2008 matapelajaran bahasa Iban telah rasmi dijadikan sebagai subjek yang mengikuti peperiksaan awam di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Seramai 1,846 orang murid bahasa Iban yang mengikuti peperiksaan ini di 45 pusat peperiksaan. Perkembangan bahasa Iban ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Peringkat Universiti pula terus meningkat apabila pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris melalui Jawatankuasa Kurikulum dalam mesyuarat telah bersetuju menerima bahasa Iban sebagai matapelajaran atau kursus yang diajar di UPSI pada 13 Oktober 2009. Kursus bahasa Iban telah rasmi diajar dan digunakan di UPSI pada Julai 2010.



### **1.2.3 Latar Belakang Adat dan Kepercayaan Tujuh Burung Omen Yang Menjelaskan Nilai-Nilai Murni**

Masyarakat Iban sangat berhati-hati dengan tingkah laku binatang seperti burung, katak, ular, dan haiwan-haiwan tertentu kerana dianggap mempunyai amaran, simbol serta petanda yang diberikan oleh *Petara* kepada mereka berkaitan peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang. Haiwan utama yang dipercayai dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban ialah burung. Burung berperanan penting kerana menjadi panduan dan pertunjuk kepada mereka dalam melakukan aktiviti seperti berhuma, mengembara, menentukan tapak perumahan, memindahkan harta pusaka, *ngayau* (membalas serangan musuh) dan aktiviti-aktiviti yang lain.

Selain menjadi panduan dan petunjuk kepada masyarakat Iban, adat dan kepercayaan tujuh burung omen juga merupakan landasan yang digunakan untuk membentuk karakter dan perilaku yang baik dalam diri golongan muda sekali gus





murid-murid berbangsa Iban. Hal yang demikian dikatakan begitu kerana melalui ajaran yang diberikan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen sarat dengan nilai-nilai murni yang menjadi landasan kepada pembentukan sikap dan karakter murid-murid sekolah rendah, sekolah menengah dan bahkan di peringkat yang lebih tinggi.

Nilai-nilai murni seperti **sikap rajin, tolong menolong, semangat kejiranan bekerjasama, rasional** dan banyak lagi nilai-nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Namun begitu dalam masyarakat Iban pada masa dahulu nilai-nilai murni atau moral ini tidak ditonjolkan dengan lebih mendalam kerana masyarakat Iban masih belum menjalani pendidikan secara formal. Oleh kerana belum ada pendidikan secara formal maka *manang* dan *lemambang* tidak dapat menjelaskan nilai-nilai murni tersebut kepada generasi muda. Hal ini menyebabkan terdapat beberapa daripada masyarakat Iban sendiri yang tidak mengetahui bahawa dalam adat dan kepercayaan tujuh burung ini mengandungi nilai murni yang mampu membentuk jati diri dan karakter mereka.

Selain itu, adat dan kepercayaan tujuh burung omen telah wujud sejak berkurun lama berkait rapat dengan amalan kepercayaan animisme masyarakat Iban. pernyataan ini disokong oleh Adrian Garcia dalam Alexander (2012) yang menjelaskan kepercayaan ini menyerupai amalan kepercayaan yang diamalkan di Roma pada zaman pemerintahan kuno. Dalam amalan ini, masyarakat Roma banyak mentafsir tingkah laku burung sama seperti amalan adat dan kepercayaan tujuh burung omen yang dipercayai oleh masyarakat Iban. Adrian Garcia dalam Alexander (2012) menjelaskan bahawa di Rome mentafsir burung yang terbang dari kiri merupakan burung yang mempunyai ramalan yang tepat. Hal ini kerana, dalam bahasa Rome perkataan *left* (kiri) sama bunyi dengan perkataan *favourable* (keberuntungan). Konsep amalan yang





diamalkan oleh Rome ini sama dengan konsep amalan kepercayaan dalam masyarakat Cina, yang percaya bahawa nombor empat membawa nasib yang malang kerana bunyi sebutan angka empat *si* (mati) manakala nombor lapan membawa makna tuah yang berbunyi *ba* (kekayaan).

Nilai murni yang ingin diketengahkan pada pernyataan di atas ialah nilai **kepercayaan** kepada agama yang kita anuti. Sebelum datang agama Kristian dan agama Islam masyarakat Iban menganuti kepercayaan tradisional yang mengandungi unsur-unsur ritual dan pemujaan. Namun begitu dalam adat dan kepercayaan ini leluhur dalam masyarakat Iban tidak hanya menitik beratkan unsur-unsur ritual semata-mata melainkan mereka menanamkan rasa takut kepada ajaran yang mereka anuti. Impak daripada rasa takut tersebut golongan muda seperti para murid akan menanamkan sikap disiplin yang tinggi.



Asal usul masyarakat Iban mempercayai adanya kewujudan dewa perang dalam masyarakat Iban adalah melalui perkahwinan di antara Menggin dan Tuan Puteri Dara Tinchin Temaga yang merupakan puteri sulung daripada Aki Lang Sengalang Burung. Patricia dan Asmiaty (2021:8) menyatakan ketika suami kepada Tuan Puteri Dara Tinchin yang bernama Ketupung Ke Bejuluk Sangkuh Agung pergi mengembara, Tuan Puteri telah turun ke bumi dan bertemu dengan Menggin ketika sedang memburu. Ketika memburu di hutan, Menggin tidak sengaja tersumpit persalinan pakaian Tuan Puteri dan terus membawa pakaian tersebut pulang ke rumahnya. Menyedari pakaiannya dibawa oleh Menggin, maka Tuan Puteri tidak dapat kembali ke tempat asalnya dan ia memutuskan untuk berkahwin dengan Menggin. Benedict Sandin dalam Patricia dan Asmiaty (2021:9) menyatakan:





*Apin sangat lama seduai udah jadi melali bini alai Dara Tinchin Temaga bertubuh bisi. Nyau datai maya bulan ke beranak, beranak ga iya ke anak lelaki. Nama iya digagaka sida Surung Gunting tauka Sera Gunting.*

Yang bermaksud:

Setelah mereka berkahwin menjadi suami isteri, Dara Tinchin Temaga pun mengandung. Ketika tiba waktu untuk bersalin, dia telah melahirkan seorang anak lelaki yang bernama Surung Gunting ataupun Sera Gunting.

Pernyataan di atas menjelaskan asal usul Sera Gunting hasil perkahwinan campur antara manusia dengan kerabat Petara perang Aki Lang Sengalang Burung. Oleh itu menurut Patricia dan Asmiaty (2021:9) hasil daripada perkahwinan Menggin dan Tuan Puteri Dara Tinchin Temaga tersebut merupakan satu titik tolak bermulanya hubungan antara manusia dengan Petara perang dalam masyarakat Iban iaitu Sengalang Burung. Ketika Sera Gunting masih kecil ibunya telah kembali ke tempat asalnya di langit. Memandangkan Sera Gunting masih kecil Menggin membawa anaknya untuk mencari Tuan Puteri dan bahkan tinggal di sana seketika. Setelah suami Tuan Puteri iaitu Ketupung kembali daripada mengembara, Menggin dan Sera Gunting terpaksa kembali semula ke bumi.

Cerita-cerita mitos mengenai asal usul adat dan kepercayaan tujuh burung omen yang dijelaskan oleh Patricia (2021:3) menyatakan bahawa asal usul adat ini merupakan daripada perkahwinan campur antara manusia dengan dewa. Melalui asal usul perkahwinan ini juga boleh digunakan oleh guru-guru untuk menanamkan sikap **menghormati** pasangan atau menghormati perkahwinan. Pada masa kini masalah sosial seperti pembuangan bayi semakin menjadi-jadi. Oleh yang demikian guru-guru dapat memanfaatkan cerita mitos tersebut dengan mengajar murid-murid betapa pentingnya sikap menghormati pasangan dalam sesebuah perkahwinan. Guru-guru juga





dapat memberikan mereka kesedaran bahawa menjalin hubungan terlarang sebelum perkahwinan adalah salah di sisi undang-undang.

Selain itu dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen juga melarang orang yang telah berkahwin untuk menyebut nama mentua mereka kerana dikhuatiri ketulahan. Aki Lang Sengalang Burung menjelaskan semua menantu aku *iya nya Ketupung, Embuas, Beragai, Bejampung, Papau, enggau Pangkas enda tau nyebut nama aku laban enggaika sida busung tauka tulah* (semua menantu saya iaitu *Ketupung, Embuas, Beragai, Bejampung, Papau, dan Pangkas* tidak boleh menyebut nama saya kerana takut ketulahan). Secara tidak langsung dalam ajaran tersebut Aki Lang Sengalang Burung telah menanamkan nilai **menghormati** mentua setelah berkahwin. Oleh itu dengan ajaran tersebut guru-guru boleh menggunakannya sebagai contoh supaya murid menghormati mentua mereka setelah berkahwin dan menghormati orang yang lebih tua daripada kita dengan tidak menyebut nama mereka.

Menurut Nalong dan Johnny (2007) amalan kepercayaan tujuh burung omen mula diperturunkan oleh *Aki Lang Sengalang Burung Jagu Menaul Tuntung* (burung helang) kepada cucunya iaitu *Sera Gunting*. *Aki Lang Sengalang Burung* mula mengajar cucunya cara menggunakan burung kerana cucunya menjelaskan bahawa dirinya sangat tidak bernasib baik hidup di dunia, berhuma tidak memperoleh hasil tuai yang banyak serta mengerjakan sesuatu tidak pernah mendapat hasil. Oleh itu *Aki Lang Sengalang Burung* menjelaskan kepada cucunya bahawa dalam melakukan aktiviti seharian masyarakat Iban hendaklah menggunakan amalan kepercayaan tujuh burung omen, kecuali aktiviti membuang air besar dan *nyauk aie* (mengangkat air dari sungai). Menurutny alasan mengapa kedua-dua aktiviti ini tidak menggunakan kepercayaan





tujuh burung kerana membuang air besar melibatkan kita membuang kotoran manakala *nyauk aie* kerana sungai yang bersifat kekal dan tidak pernah habis.

Nalong dan Johnny (2007) menjelaskan adat dan kepercayaan tujuh burung omen diturunkan oleh dewa perang dalam masyarakat Iban kepada cucunya iaitu Sera Gunting. Nilai murni dalam ajaran yang dijelaskan oleh Aki Lang Sengalang Burung tersebut ialah mengenai panduan dan didikan dalam mengerjakan aktiviti seperti bercucuk tanam, berhumas, memburu, memancing dan sebagainya. Panduan dan didikan ini perlu ditonjolkan kepada murid-murid di sekolah kerana amat berguna kepada mereka setelah habis menjalani pendidikan secara formal. Apabila mereka telah selesai menjalani pendidikan secara formal mereka sudah boleh **berdikari** dan mempunyai kemahiran dalam aktiviti seperti berhumas, bercucuk tanam, memancing, memburu dan sebagainya. Impak daripada pendedahan panduan dan didikan ini para murid akan mudah menjalani kehidupan seharian mereka setelah habis proses pendidikan formal di sekolah.

Patricia (2020) menjelaskan burung dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban tidak hanya terikat kepada bunyi burung sahaja, namun melibatkan satu konsep kepercayaan yang mempunyai skop yang sangat besar. Pernyataan ini turut dijelaskan oleh Benedict Sandin (1980) serta Nalong dan Johnny (2007) yang menyatakan kewujudan haiwan lain seperti yang dilampirkan pada rajah di bawah untuk menyampaikan petanda yang diberikan oleh Petara kepada masyarakat Iban. Berikut merupakan haiwan yang digunakan sebagai haiwan petanda oleh masyarakat Iban:





Rajah 1.1. Kategori Haiwan yang digunakan dalam Adat *Beburung* mengikut Interpretasi Kepercayaan Masyarakat Iban (Sumber: Nalong dan Johnny, 2007)

Masyarakat Iban sangat mempercayai setiap petanda yang disampaikan oleh haiwan. Hal ini kerana menurut Chemaline (2011) setiap petanda yang dibawa oleh haiwan kepada si pendengarnya dapat menentukan nasib mereka. Masyarakat Iban menjelaskan adat tersebut sebagai adat *beburung*. Walaupun burung mewakili haiwan yang mempunyai sayap dan boleh terbang, namun haiwan lain turut dianggap sebagai

burung oleh masyarakat Iban kerana fungsi dan peranan mereka dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen adalah untuk menyampaikan petanda.

Menurut adat dan kepercayaan masyarakat Iban terdapat tujuh burung omen dikenali sebagai Ketupung, Embuas, Beragai, Papau, Bejampong, Pangkas, dan Nendak. Namun tidak ramai masyarakat Iban yang mengetahui nama asal mahupun nama saintifik burung tersebut. Selain itu dalam ketujuh-tujuh burung ini terdapat banyak spesies di dalam rumpun tersebut yang seakan sama dengan rupa burung ini menyebabkan masyarakat Iban keliru dan salah menebak burung ini dengan betul. Spesies burung ini mempunyai kebiasaan, perilaku dan bahkan spesies ini mempunyai rupa, warna, bunyi, dan saiz yang sama. Oleh itu dengan adanya nama asal dan saintifik dijelaskan dalam penyelidikan, pengkaji berharap memudahkan masyarakat Iban mengenali ketujuh-tujuh burung ini dengan lebih dalam. Berikut merupakan jadual yang menjelaskan nama saintifik dan nama dalam bahasa Inggeris ketujuh-tujuh burung omen.

Jadual 1.1

*Nama Tujuh Burung Omen (Sumber: J. D. Freeman, 1961:146)*

| Bil | Nama burung dalam bahasa Iban | Nama saintifik                            | Nama burung dalam bahasa Inggeris. |
|-----|-------------------------------|-------------------------------------------|------------------------------------|
| 1   | <i>Ketupung</i>               | <i>Sasia Abnormis (Temminck)</i>          | <i>Rufous Piculet</i>              |
| 2   | <i>Beragai</i>                | <i>Harpactes Duvauceli (Temminck)</i>     | <i>Scarlet-Rumped Trogon</i>       |
| 3   | <i>Bejampong</i>              | <i>Platylophus Galerikulatus (Cuvier)</i> | <i>Crested Jay</i>                 |
| 4   | <i>Pangkas</i>                | <i>Blythipicus Rubiginosus (Swainson)</i> | <i>Maroon Woodpecker</i>           |

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

|   |               |                                           |                            |
|---|---------------|-------------------------------------------|----------------------------|
| 5 | <i>Embuas</i> | <i>Lacedo Pulchella</i><br>(Horsfield)    | <i>Banded Kingfisher</i>   |
|   | <i>Papau</i>  | <i>Harpactes Diardi</i><br>(Temminck)     | <i>Diard's Tragon</i>      |
| 7 | <i>Nendak</i> | <i>Copsychus Malabaricus</i><br>(Scopoli) | <i>White- Rumped Shama</i> |

Berdasarkan kepada huraian tersebut dapat dirumuskan bahawa adat dan kepercayaan tujuh burung omen memberi manfaat yang baik kepada masyarakat Iban khususnya guru dan murid-murid di sekolah. Hal yang demikian kerana dalam ajaran, petunjuk dan amalan yang terdapat pada adat dan kepercayaan tujuh burung omen terselitnya nilai-nilai murni yang dapat menjadi panduan, petunjuk sekali gus membantu mewujudkan karakter yang baik pada murid-murid berbangsa Iban. Walaupun kurang diamalkan lagi di masa kini, namun adat dan kepercayaan tujuh burung omen penting untuk didokumentasikan sebagai sebuah penyelidikan dalam bidang pendidikan bahasa Iban agar guru-guru di sekolah tidak kekurangan sumber rujukan ketika melaksanakan aktiviti pembelajaran. Selain dapat memelihara dan melestarikan adat dan kepercayaan tujuh burung omen kajian ini juga membantu Kementerian Pendidikan untuk mengurangkan salah laku murid dan mewujudkan konsep Sekolahku Sejahtera Bentuk Kemenjadian Murid.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik-tolak daripada permasalahan kajian yang diutarakan oleh Fifi Rinyuk (2017:12) yang menyatakan masyarakat tidak mengetahui nilai dan pentingnya adat dan kepercayaan bagi melahirkan modal insan yang berakhlak mulia. Oleh itu



permasalahan utama dalam kajian merujuk kepada tajuk kajian iaitu mengenai nilai-nilai murni yang disematkan dalam kepercayaan tujuh burung omen. Masyarakat tempatan di Sarawak, amnya suku masyarakat Iban merupakan masyarakat yang kaya dengan keunikan amalan tradisi adat dan kepercayaan. Salah satunya ialah amalan kepercayaan mereka melalui tujuh burung omen. Namun begitu keunikan dari amalan ini tidak diketahui oleh segelintir masyarakat Iban, amnya golongan muda kerana sikap mereka yang beranggapan bahawa amalan ini tidak relevan lagi diamalkan masa kini. Salah satu keunikan yang perlu ditekankan di sini ialah melalui nilai-nilai murni yang disematkan bagi tujuan membudayakan dan memberi nilai etika yang tinggi kepada masyarakat Iban, guru dan para murid di sekolah. Pernyataan ini turut disokong oleh Chemaline Osup (2019: 1455) yang menjelaskan adat dan kepercayaan tujuh burung omen berupaya memperkayakan murid di sekolah supaya memiliki sikap progresif, mempunyai nilai murni dan etika yang tinggi seiring dengan konsep Kementerian Pendidikan dalam Kemenjadian Murid.

Asmah omar (2005:2) menyatakan bahasa kiasan merupakan bahasa yang mempunyai makna yang tidak seratus peratus dibawa oleh makna perkataan-perkataan yang mendirikanannya. Manakala menurut Aminuddin dan Zaitul Azma (2019:57) bahasa kiasan ialah satu bentuk bahasa yang diungkapkan bagi mengindahkan sesuatu perkara yang tidak baik atau satu bahasa yang mengandungi unsur-unsur niat yang buruk. Masyarakat Iban mempunyai sistem keindahan bahasa yang menghiasi pelbagai folklore, puisi-puisi dan bahkan dalam adat dan kepercayaan juga mempunyai unsur-unsur keindahan bahasa kiasan yang digunakan untuk menyampaikan buah fikiran, gagasan dan bahkan perasaan. Bahasa kiasan dalam masyarakat Iban telah diwarisi sejak turun temurun namun demikian, amalan ini menjadi semakin berkurang sejak kemasukan mubaligh Kristian yang banyak mengubah sistem bahasa, adat dan



kepercayaan masyarakat Iban (Asmah Omar dalam Saripah, 2016:16). Kemasukan dan perkembangan ilmu pendidikan moden yang dibawa masuk oleh penjajah Inggeris turut menjadi faktor yang menyebabkan masyarakat Iban menolak kepercayaan tradisi dan bahkan mengubah sudut pandang dan cara berfikir mereka. Hal ini menjadi satu tentangan dan permasalahan yang hebat bagi masyarakat Iban, guru bahasa Iban dan murid untuk mempertahankan keindahan bahasa kiasan yang telah wujud sejak berkurun. Penolakan ini telah menyebabkan bahasa kiasan yang diwarisi oleh masyarakat Iban tidak berkembang dan generasi muda masa kini, iaitu murid-murid di sekolah tidak memahami keindahan bahasa kiasan yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

Selain itu permasalahan dalam kajian ini juga berlandaskan permasalahan yang dinyatakan oleh Sandai dalam Saripah Banseng (2016:17) yang menyatakan kesukaran golongan muda dalam memahami bahasa kiasan diakui sendiri oleh para pendidik Bahasa Iban. Perkara ini telah menyebabkan guru-guru bahasa Iban menjadi sukar untuk menarik minat murid untuk memahami serta menggunakan bahasa kiasan yang terdapat pada setiap puisi-puisi, adat dan kepercayaan khasnya melalui tujuh burung omen. Masyarakat Iban banyak menggunakan bahasa kiasan yang tersirat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Hal yang demikian telah menyebabkan masyarakat Iban khasnya golongan muda sukar untuk memahami inti pati yang ingin disampaikan dalam setiap petanda baik dan buruk yang dibawa oleh tujuh burung omen.

Permasalahan berikutnya iaitu guru-guru di sekolah pada masa kini kurang berpengalaman untuk mengajar subjek Bahasa Iban khususnya dalam topik yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Pernyataan ini disokong oleh Doratya Gerry (2020:78) yang menjelaskan guru-guru daripada major Bahasa



Melayu, Bahasa Inggeris dan Sains diberi tugas untuk mengajar subjek Bahasa Iban. Kekurangan guru yang berpengalaman dalam mata pelajaran bahasa Iban di sekolah-sekolah turut memberi impak yang negatif kepada perkembangan pembelajaran dalam subjek tersebut. Perkara ini turut dibangkitkan melalui pernyataan masalah oleh Magdeline dan Zamri (2012:597) yang menjelaskan kajian yang berunsurkan adat dan kepercayaan tidak banyak dilaksanakan dalam mata pelajaran bahasa Iban. Selain itu mereka juga menjelaskan penyelidikan yang ada di Malaysia lebih kepada tatabahasa, susur galur Bahasa Iban, fonologi, morfologi dan puisi. Oleh itu, pengajaran dalam Bahasa Iban amnya mengenai adat dan kepercayaan tujuh burung omen kurang diberi perhatian oleh para murid kerana isi pengajaran mengenai nilai-nilai, petanda dan fungsi dalam kepercayaan ini tidak ditonjolkan dengan lebih mendalam kepada mereka. Kesannya, para murid tidak mengetahui bahawa dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen mengandungi nilai-nilai murni yang mampu membudayakan kehidupan seharian mereka.

Pada amnya, asal usul amalan adat dan kepercayaan masyarakat Iban wujud daripada kepercayaan animisme seperti pemujaan, ritual, sihir dan alam ghaib. Menurut kamus murid edisi kedua (2016) mendefinisikan animisme sebagai satu amalan kepercayaan yang menyatakan bahawa setiap benda yang wujud itu mempunyai roh. Contohnya seperti batu, air, tanah dan sebagainya. Namun kini, menurut Makmur Harun (2013:2) adat dan kepercayaan masyarakat Iban banyak mengalami perubahan kerana kebanyakan mereka telah menganuti agama Kristian. Kesannya budaya ini semakin dilupakan oleh masyarakat Iban khususnya murid-murid berbangsa Iban di sekolah, tanpa mereka sedari dalamnya mengandungi nilai-nilai murni yang bertujuan untuk membentuk dan membina keperibadian mereka.





Kesimpulannya, isu-isu yang timbul dalam penyelidikan yang berasaskan adat dan kepercayaan di Malaysia seperti kekurangan sumber rujukan, guru dari mata pelajaran lain dilantik sebagai guru yang mengajar bahasa Iban, dan kurang didedahkan kepada golongan muda memberi impak yang sangat buruk kepada perkembangan mata pelajaran bahasa Iban yang terdapat di sekolah rendah mahupun menengah. Selain itu adat dan kepercayaan tujuh burung omen bertentangan dengan ajaran agama yang dianuti oleh segelintir masyarakat Iban pada masa kini (agama Islam dan Kristian) kerana terdapatnya unsur-unsur ritual. Oleh itu adat dan kepercayaan tujuh burung omen sukar untuk dimasukkan ke dalam topik pengajaran di sekolah kerana bertentangan dengan subjek agama yang ada di sekolah. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan adat dan kepercayaan tujuh burung omen tidak banyak dijadikan topik kajian di Malaysia.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini menggunakan tiga objektif iaitu:

1. Menyenaraikan penggunaan bahasa kiasan dalam petanda yang disampaikan melalui adat dan kepercayaan tujuh burung omen.
2. Mengenal pasti fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen melalui pendidikan informal dan pendidikan formal.
3. Menganalisis nilai murni dalam pendidikan bahasa Iban melalui adat dan kepercayaan tujuh burung omen.





## 1.5 Soalan Kajian

Dalam matlamat pencapaian objektif kajian beberapa persoalan yang telah wujud. Di antaranya ialah:

1. Berapakah bahasa kiasan yang terdapat dalam petanda adat dan kepercayaan tujuh burung omen?
2. Apakah fungsi adat dan kepercayaan tujuh burung omen melalui pendidikan informal dan pendidikan formal?
3. Bagaimanakah nilai-nilai murni dalam pendidikan bahasa Iban melalui adat dan kepercayaan tujuh burung omen dianalisis?

## 1.6 Kepentingan Kajian



Dalam kepentingan kajian ini pengkaji membahagikan kepada tiga kategori utama iaitu masyarakat Iban, bidang pendidikan bahasa Iban dan pengkaji seterusnya. Melalui tiga komponen utama ini pengkaji melihat beberapa kepentingan kajian yang berlandaskan kepada objektif kajian iaitu bahasa kiasan, fungsi dan nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen kepada murid, guru, sekolah, sesebuah organisasi atau kelompok masyarakat tertentu. Oleh itu, pengkaji menghuraikan beberapa alasan mengapa kajian ini berkepentingan kepada tiga komponen utama ini.

### 1.6.1 Bidang pendidikan Bahasa Iban

Kepentingan kajian ini yang pertama iaitu kepada bidang pendidikan bahasa Iban di sekolah menengah dan sekolah rendah yang terdapat di Sarawak. Dalam bidang



pendidikan bahasa Iban terdapat tiga kategori yang dapat manfaat daripada penyelidikan ini. Pertama iaitu (1) bidang bahasa Iban, (2) kedua iaitu guru-guru bahasa Iban dan (3) ketiga iaitu kepada murid-murid di sekolah.

#### **1.6.1.1 Bidang Bahasa Iban**

Manfaat dalam kajian lazimnya menjelaskan mengenai sumbangan kajian itu kepada masyarakat (Othman, 2015:93). Penyelidikan ini khususnya memberi sumbangan dalam perkembangan bidang pendidikan Bahasa Iban. Hal yang demikian kerana penyelidikan ini memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada generasi baru (murid-murid) dalam masyarakat Iban mengenai adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Dalam kelas bahasa Iban murid hanya didedahkan dengan petanda yang dibawa oleh tujuh burung sahaja, namun mereka tidak dapat memahami sepenuhnya perlambangan tersebut kerana murid-murid tidak diberi pemahaman yang mendalam mengenainya. Kesannya murid mudah bosan kerana tidak memahami isi yang hendak disampaikan dalam topik tersebut (Magdeline dan Zamri, 2014:216). Oleh itu dengan adanya pengetahuan dan pemahaman yang didapati dari penyelidikan ini, murid-murid dan guru Bahasa Iban dapat memanfaatkan penyelidikan ini untuk memahami adat tujuh burung omen dari pangkal asal usulnya sehingga ke topik pendedahan fungsi, peranan dan bahasa kiasan yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

Selain itu penyelidikan ini juga memberi manfaat kepada bidang pendidikan bahasa Iban yang kekurangan sumber rujukan, terutamanya berkait dengan adat dan kepercayaan dalam masyarakat Iban. Pernyataan ini tidak dapat disangkal kerana



adanya para sarjana seperti Magdeline dan Zamri (2016) yang menyatakan dalam bidang pendidikan bahasa Iban kurang melaksanakan penyelidikan yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan. Majoriti dilaksanakan oleh sarjana-sarjana lepas dalam bidang pendidikan bahasa Iban hanya berkaitan dengan topik seperti morfologi, fonologi, dan puisi seperti *pantun*, *ganu* serta *jawang*. Oleh itu tidak hairan apabila dilihat dalam DSKP murid-murid bahasa Iban sekarang yang banyak menggunakan puisi-puisi sahaja sebagai topik pembelajaran. Impaknya, guru -guru tidak dapat memperkenalkan nilai tambah berkaitan adat dan kepercayaan yang merupakan budaya dan identiti masyarakat Iban kepada generasi muda.

Kesimpulannya dalam penyelidikan ini bukan hanya menekankan mengenai adat dan kepercayaan tujuh burung omen semata-mata. Namun ketiga-tiga objektif ini menyentuh mengenai bahasa kiasan, fungsi pendidikan formal dan pendidikan formal serta nilai-nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Selain itu, latar belakang kajian juga menyentuh topik berkaitan dengan bidang pendidikan bahasa Iban, asal usul masyarakat Iban dan asal usul tujuh burung omen yang dapat dijadikan bahan rujukan tambahan kepada bidang pendidikan bahasa Iban. Oleh itu secara tidak langsung penyelidikan ini menghasilkan pelbagai topik-topik yang berguna dan memberi impak yang baik kepada bidang pendidikan bahasa Iban di sekolah.

#### 1.6.1.2 Guru Bahasa Iban

Melalui sistem pendidikan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh guru bahasa Iban untuk dijadikan panduan serta memperbanyakkan sumber bagi pengajaran di dalam kelas.





Dalam pengajaran sekolah-sekolah di Malaysia khususnya sekolah yang terdapat di Sarawak, kekurangan sumber rujukan dan panduan merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru untuk menjalankan sesi PDP (Faez Illias *et al*, 2016). Pernyataan ini disokong oleh Magdeline dan Zamri (2016: 597) yang menjelaskan penyelidikan dalam bidang Bahasa Iban amat kurang dilaksanakan di Malaysia. Salah satu topik yang kurang dijadikan sebagai objek penyelidikan iaitu adat dan kepercayaan masyarakat Iban dalam tujuh burung omen. Penyelidikan yang sedia ada lebih banyak menjurus kepada puisi-puisi yang ada dalam masyarakat ini. Oleh itu dengan adanya penyelidikan ini diharap mampu memberi pengetahuan baru kepada golongan muda mengenai fungsi, nilai murni dan unsur bahasa kiasan yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

Selain itu senarai bahasa kiasan yang ada dalam kajian ini dapat dijadikan satu topik pengajaran yang berguna dan menarik dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Keindahan sistem laras bahasa kiasan yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen banyak menggunakan bahasa yang halus untuk menyampaikan makna petanda yang buruk. Salah satunya ialah *madam ke suluh mata* yang memberikan makna kiasan mengenai kematian. Apabila guru banyak memberikan topik pengajaran mengenai bahasa kiasan, para murid akan gembira kerana satu kelainan dan benda baru yang mereka pelajari di dalam kelas. Pernyataan ini turut disokong oleh Abdull Sukor dalam Khairul Anuar (2012:41) yang menyatakan Penggunaan bahasa kiasan sekali-sekala dapat menambahkan tenaga kepada bahasa. Rumusannya, penggunaan bahasa kiasan di dalam kelas memberikan impak positif kerana bahasa kiasan memberikan ruang murid-murid untuk sentiasa berfikir dengan lebih mendalam terhadap bahasa kiasan yang diutarakan oleh guru.



### 1.6.1.3 Murid di Sekolah

Fungsi yang diterapkan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen ini turut memainkan peranan yang penting. Pernyataan ini disokong oleh Chemaline Osup (2006) yang menjelaskan bahawa setiap adat dan kepercayaan itu mempunyai fungsi dan peranannya tersendiri. Penulisan Bell Su'ut (2013) menjelaskan setiap pantang larang yang diberi dalam sesebuah adat perlu dituruti dan dipatuhi. Dengan menerapkan amalan mematuhi pantang larang yang telah diberikan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen ini, generasi muda yang masih menduduki sekolah rendah mahupun menengah akan mudah menerapkan amalan mematuhi larangan yang dikenakan di setiap sekolah. Adat dan kepercayaan ini turut memberikan impak yang positif kepada anak-anak muda kerana dalam amalan ini mematuhi pantang larang yang ditetapkan merupakan satu kewajiban dalam setiap masyarakat Iban. Dari segi adat dan kepercayaan ini jika petanda yang dibawa oleh burung tidak dipatuhi maka akan ditimpa kesialan manakala di sekolah jika peraturan dilanggar maka akan mendapatkan hukuman daripada pihak sekolah. Oleh itu pernyataan ini sekali gus memberi pendedahan yang jelas mengenai pendedahan fungsi adat dan kepercayaan ini terhadap sistem pendidikan di sekolah.

Seterusnya ialah melihat kepada nilai yang terkandung dalam sesebuah budaya dan juga sastera (Siti Khariah & siti Saniah, 2012: 9). Dalam melihat kepada konteks ayat yang dikeluarkan oleh penulis melalui kajian mereka iaitu *Keperluan Masa Depan Pengajaran Kesusasteraan Melayu*, jelas bahawa dalam setiap sastera mahupun adat kepercayaan terkandung sesebuah nilai yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Melalui tujuh burung omen pula kita melihat dalam terkandungnya adat kepercayaan tradisi terdapat juga beberapa nilai-nilai murni diselitkan untuk membudayakan



kehidupan seharian dalam masyarakat Iban. Contohnya pantang larang dalam amalan kepercayaan tujuh burung ini melarang suami mahupun isteri untuk menyebut nama mentua setelah berkahwin (Nalong dan Johnny, 2007). Pernyataan ini lebih kepada memaparkan nilai menghormati ibu dan bapa pasangan yang telah berkahwin. Oleh itu dengan adanya kajian ini ia sekali gus membantu untuk menyampaikan nilai yang terkandung dalamnya sekali gus dapat meningkatkan kefahaman murid-murid dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban.

Kesimpulannya, dalam bidang pendidikan yang terdapat di Malaysia lazimnya dalam bidang pendidikan Bahasa Iban yang terdapat di sekolah menengah mahupun sekolah rendah kajian seperti ini sangat membantu dan memberi manfaat kepada guru dalam mempelbagaikan topik pengajaran seharian mereka. Selain itu, adat dan kepercayaan tujuh burung omen turut bermanfaat kepada murid-murid kerana dengan adanya kajian ini mereka lebih memahami bahawa dalam adat dan kepercayaan terdapat nilai-nilai murni yang diselitkan bertujuan untuk mendisiplinkan mereka.

### **1.6.2 Masyarakat Iban**

Penyelidikan ini penting untuk dijadikan panduan kepada orang awam khususnya kepada masyarakat Iban. Dalam pernyataan masalah pengkaji menyatakan tentang kurangnya pendedahan dan juga sumber merupakan faktor utama kepada kehilangan dan kemunduran sesebuah adat dan kepercayaan (Jerry Hawkin, 2007). Oleh itu kepentingan utama kajian ini ialah dapat dijadikan sumber utama bagi masyarakat Iban yang ingin memahami tentang nilai murni yang terkandung dalam adat ini, fungsi dan unsur bahasa kiasan yang dibawa oleh tujuh burung petanda.





Melalui aspek pemahaman tentang tujuh burung omen ia memperlihatkan bahawa setiap jenis dari tujuh burung omen ini membawa simbol, petanda dan makna yang tersendiri. Lazimnya amalan kepercayaan ini akan melahirkan beberapa amalan yang berunsurkan pemujaan seperti ritual *miring* bertujuan untuk pengampunan mahupun kesyukuran. Chemaline (2012) menjelaskan masyarakat Iban percaya amalan ini mampu memberikan kebaikan atau mengelakkan berlakunya malapetaka. Oleh itu, manfaat kajian ini ialah memberikan pemahaman tentang adat dan kepercayaan tujuh burung omen kepada masyarakat Iban supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka.

Selain itu bahasa kiasan yang digunakan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen dapat membentuk masyarakat Iban supaya banyak menggunakan bahasa kiasan ketika berinteraksi atau menyebut perkataan yang tidak sopan. Sistem bahasa masyarakat Iban sama seperti sistem yang digunakan dalam bahasa Melayu, namun yang menjadikan keindahan laras bahasa Iban tidak menonjol kerana kurangnya pendedahan daripada golongan yang berpengalaman. Contohnya pendedahan daripada guru bahasa Iban kepada murid-murid di sekolah menggunakan bahasa kiasan ketika berinteraksi antara sesama. Oleh itu kajian ini menyenaraikan penggunaan bahasa kiasan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

### **1.6.3 Pengkaji Seterusnya di Peringkat Ijazah Sarjana Muda (IPG), Sarjana dan Sarjana Kedoktoran**

Kepentingan kajian ini kepada para pengkaji seterusnya ialah dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan yang berguna kepada pengkaji di peringkat Ijazah Sarjana Muda (IPG), Sarjana (Master) dan Sarjana Kedoktoran (PhD) dalam menyelami keperluan





dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Adat dalam kepercayaan tujuh burung omen ini mempunyai skop yang luas untuk dikaji dan diperkembangkan. Di antara tiga skop yang dibincangkan dalam kajian ini ialah unsur bahasa kiasan, fungsi dan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Adat *beburung* dalam masyarakat Iban merupakan satu skop yang sangat luas. Adat *beburung* yang diamalkan oleh masyarakat Iban menggunakan haiwan sebagai medium untuk melihat petanda yang diberikan oleh *Petara* (Tuhan) kepada mereka. Haiwan yang digunakan juga tidak hanya merujuk kepada burung sahaja, namun meliputi haiwan seperti rusa, landak, kijang, ular, biawak dan banyak lagi haiwan. Oleh itu kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai panduan yang berguna kepada pengkaji lain untuk melaksanakan kajian mengenai adat *beburung* dalam masyarakat Iban.

Seperti yang diketahui adat dan kepercayaan dalam aktiviti *berburung* juga wujud dalam komuniti lain disebabkan pertindihan antara budaya lazimnya sering terjadi. Contohnya ialah melihat kepada kajian yang diutarakan oleh Bell Su'ut (2013) yang bertajuk *Estetika "Bakad" Masyarakat Lun Bawang Lawas, Sarawak Satu Kelangsungan Pendidikan Informal*. Beliau menjelaskan bahawa dalam proses mengambil kulit kayu untuk membuat *Bakad* (baju tradisi yang diperbuat daripada kulit kayu), aspek penting yang perlu dipertimbangkan ialah kepercayaan burung Mengai. Masyarakat Lun Bawang mempercayai jika burung melintas dari laluan kiri ke kanan, aktiviti untuk hari tersebut harus dihentikan selama dua hari kerana akan membawa petanda yang tidak baik atau malang (Bell Su'ut, 2013). Oleh itu, kajian ini turut memberi manfaat dan kepentingan kepada penyelidik daripada masyarakat lain untuk membuat perbandingan adat dan kepercayaan antara masyarakat Iban dengan masyarakat yang lain.





Pada dasarnya tidak banyak para pengkaji yang mengkaji mengenai adat dan kepercayaan sesebuah komuniti antara faktornya ialah kekurangan sumber kajian (Bell Su'ut, 2013). Kekurangan sumber dalam penyelidikan merupakan salah satu aspek utama yang membuatkan para penyelidik tidak berminat mengkaji sesebuah kajian yang berunsurkan adat dan kepercayaan. Oleh itu, kepentingan kajian ini ialah memperbanyakkan lagi sumber kajian yang berunsurkan adat dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat, khususnya dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

### 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada tiga objektif sahaja iaitu nilai-nilai murni, fungsi dan unsur bahasa kiasan yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

Seperti yang dijelaskan pada permasalahan kajian, adat dan kepercayaan tujuh burung omen belum sepenuhnya diteroka oleh pengkaji dan para sarjana. Oleh itu banyak soalan kajian dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen seperti asal usul, gaya bahasa, upacara ritual yang diamalkan, dan nilai estetika yang belum dijawab. Pemilihan ketiga-tiga objektif ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat Iban khususnya guru-guru, dan murid-murid yang terdapat di peringkat sekolah menengah hingga ke universiti mengenai nilai-nilai murni yang disematkan dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Nilai-nilai murni yang bertujuan untuk mendidik dan membudayakan murid-murid sekolah dan guru tidak diketahui kerana adat dan kepercayaan tujuh burung omen kurang diamalkan oleh masyarakat Iban pada masa kini. Oleh itu dalam kajian ini telah menonjolkan nilai murni yang terdapat dalam tujuh burung omen untuk menjadi satu pengetahuan yang baru kepada golongan muda khasnya guru dan murid sekolah di pelbagai peringkat.

Selain itu kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Iban yang bergelar *manang*, *lemambang* dan individu yang berpengalaman mengenai adat dan kepercayaan tujuh burung omen untuk dijadikan sebagai responden. Justifikasi pemilihan *manang* (pengamal perubatan tradisional), *lemambang* (pendeta) dan responden yang berpengalaman berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan yang mereka miliki dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Selain itu pemilihan *manang*, *lemambang* dan orang yang berpengalaman dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen ialah untuk (1) menjelaskan bahasa kiasan yang terdapat dalam petanda tujuh burung omen, (2) mengenal pasti fungsi adat tujuh burung omen melalui pendidikan informal dan pendidikan formal di sekolah dan (3) untuk menganalisis nilai murni dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Ketiga-tiga objektif ini ditonjolkan dalam kajian bertujuan untuk memberi impak yang baik dan berguna kepada guru dan Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk memantapkan konsep kemenjadian murid (pembinaan karakter dan sikap) di sekolah-sekolah.


Chemaline Osup (2006) menjelaskan masyarakat Iban percaya kepada aktiviti upacara-upacara ritual dan keagamaan yang berkait dengan *pengarap lama* (kepercayaan tradisional). Masyarakat Iban banyak mengamalkan adat dan kepercayaan tradisi seperti melakukan ritual-ritual dan aktiviti penyembahan yang lain. Namun begitu penyelidikan ini hanya memfokuskan kepada adat dan kepercayaan yang dipercayai oleh masyarakat Iban melalui tujuh burung omen. Oleh itu skop kajian hanya tertumpu kepada adat dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban dalam tujuh burung omen. Justifikasi pemilihan adat dan kepercayaan tujuh burung omen sebagai objek kajian ialah kerana topik ini kurang digunakan, dikaji dan diketahui oleh guru-guru yang mengajar bahasa Iban dan murid-murid yang mengambil subjek bahasa Iban di sekolah rendah hinggalah ke universiti. Topik seperti puisi-puisi, leka main,



morfologi dan fonologi telah banyak dikaji oleh para sarjana dan murid-murid yang berada di universiti. Nilai-nilai murni yang ditonjolkan dalam kajian ini dapat digunakan oleh guru untuk memantapkan lagi usaha Kementerian Pendidikan dalam program Transformasi Sekolah TS25.

Terdapat tujuh spesies burung yang digunakan dalam penyelidikan ini. Antaranya ialah Bejampung (Crested Jay), Embuas (Banded Kingfisher), Beragai (Scarlet-Rumped Trogon), Papau (Diard's Trogon), Ketupung (Rufous Piculet), Nendak (White-Rumped Shama) dan Pangkas (Maroon Woodpecker). Justifikasi pemilihan tujuh burung omen sebagai topik kajian kerana menurut para sarjana dalam bidang pendidikan seperti Chemaline Osup, Benedict Sandin, Nalong Buda dan Johnny Chuat, menyatakan bahawa tujuh burung tersebut dianggap paling utama dan penting dalam adat dan kepercayaan *berburung* yang diperturunkan oleh dewa perang iaitu *Aki Lang Sengalang Burung*. Selain tujuh burung tersebut, terdapat beberapa burung petanda yang lain seperti burung pipit, menaul (helang), *semalau* (murai), pok (burung hantu) dan sentuku (white crowned hornbill). Burung yang dinyatakan ini mempunyai peranan yang sama seperti tujuh burung omen, namun Chemaline Osup (2011) menyatakan bahawa tujuh burung omen merupakan burung utama kerana digelar sebagai menantu Sengalang Burung.





Rajah 1.2. Lokasi Kajian Dijalankan (Sumber:

[http://4.bp.blogspot.com/\\_rHI0BxGygXA/TNtB2i0VFrI/AAAAAAAAA4/ogIwv2xxfWw/s640/map-sarawak.gif](http://4.bp.blogspot.com/_rHI0BxGygXA/TNtB2i0VFrI/AAAAAAAAA4/ogIwv2xxfWw/s640/map-sarawak.gif))

Dalam kepelbagaian kaum atau etnik yang terdapat di Sarawak yang keseluruhannya mempunyai dua puluh tiga etnik bumiputera contohnya seperti Iban, Kayan, Kenyah Bidayuh, Lun bawang dan lain-lainnya. Namun begitu, kajian ini hanya memfokuskan kepada satu masyarakat yang sejajar kepada tajuk dan objektif kajian ini iaitu masyarakat Iban sahaja. Jadual 1.2 merujuk kepada lokasi masyarakat Iban yang dipilih sebagai responden kajian, iaitu meliputi bahagian Miri, Bintulu dan Sarikei. Ekoran daripada pandemik Covid-19 yang melanda, kajian menggunakan platform seperti *Facebook* untuk meninjau bilangan pakar yang berpengalaman dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen. Melalui satu kumpulan dikenali sebagai Adat Iban Enggau Penti Pemali (AIEPP) yang ditubuhkan bagi menghimpunkan kepelbagaian adat dan kepercayaan tradisi masyarakat Iban. Kajian menggunakan kumpulan ini untuk meninjau bilangan pakar yang ada di setiap lokasi yang terdapat di Sarawak.

Berikut merupakan hasil tinjauan bilangan pakar dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen:

Jadual 1.2  
*Bilangan Pakar di Lokasi Kajian yang Dipilih*

| Lokasi | Miri    | Bintulu | Sarikei |
|--------|---------|---------|---------|
| Jumlah | 5 orang | 3 orang | 2 orang |

## 1.8 Definisi Istilah dan Operasional

Walizer dan Wienir (1993) menjelaskan definisi operasional merupakan satu komponen huraian petunjuk yang lengkap mengenai topik yang harus diamati untuk membantu mengukur pemboleh ubah manakala konsep operasional ialah untuk membantu mengklasifikasikan keadaan di sekitar ke dalam satu kategori yang lebih khusus. Pernyataan oleh Creswell (2018) turut menyatakan pemikiran yang sama iaitu operasional sebagai panduan dan petunjuk yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah dalam sesebuah penyelidikan. Oleh itu dalam sesebuah kajian definisi operasional berkepentingan bagi menerangkan atau menjelaskan dengan lebih mendalam beberapa perkataan yang tidak difahami ataupun satu simpulan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Iban.



### 1.8.1 Nilai Murni

Menurut Muhamad dan Wan Muna (2021) nilai murni diertikan sebagai nilai yang dapat membina tingkah laku, sikap, pemikiran dan pegangan yang membentuk keperibadian dalam diri seseorang manusia. Penerapan nilai murni dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen dapat memberi manfaat yang banyak kepada masyarakat Iban. Walaupun nilai murni tidak dinyatakan secara langsung dalam adat dan kepercayaan tersebut, namun ia perlu didedahkan kepada masyarakat Iban supaya mereka menyedari keunikan dan keistimewaan yang ada dalam amalan tujuh burung omen. Muhammad dan Wan Muna (2021) menyatakan bahawa nilai murni sebagai nilai yang membina tingkah laku, sikap, pemikiran dan pegangan. Namun melalui kajian ini penyelidik menyimpulkan nilai murni yang digarap dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban melalui tujuh burung omen memberi makna untuk membudayakan kehidupan seharian masyarakat Iban.

### 1.8.2 Bahasa Kiasan

Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2016:3) menjelaskan bahasa kiasan ialah sama seperti peribahasa, simpulan bahasa yang menjadi sebahagian daripada kaedah dalam masyarakat Melayu lama berkomunikasi. Dalam masyarakat Iban juga banyak menerapkan amalan penggunaan bahasa kiasan ketika berkomunikasi pada zaman dahulu. Namun akibat kekurangan didedahkan kepada golongan muda seperti murid-murid di sekolah bahasa kiasan yang terdapat dalam masyarakat Iban semakin mengalami kemunduran dan dilupakan. Melalui kajian ini menjelaskan bahawa bahasa kiasan dalam masyarakat Iban perlu ditonjolkan kepada para murid kerana, ia banyak





memberi manfaat yang baik kepada pembentukan karakter mereka melalui cara berkomunikasi dan berinteraksi. Penggunaan bahasa kiasan ketika berkomunikasi amat baik kepada para murid di sekolah kerana dapat memberi dan melahirkan kesantunan bahasa yang tinggi ketika mereka sedang berkomunikasi dan berinteraksi.

### 1.8.3 Pendidikan

Kiting, Eemir dan Ewon (2020:129) menjelaskan pendidikan diperoleh daripada kata-kata berbentuk kiasan dan sindiran yang bertujuan memberi kesedaran kepada individu tertentu berkait dengan sikap, tingkah laku dan kata-kata. Selain itu pendidikan dan nilai murni turut membawa fungsi dan tujuan yang sama, iaitu memberi satu kesedaran kepada individu dan mendidik sikap, budi bahasa dan percakapan mereka ke arah yang lebih baik. Bell Su'ut (2013) turut menyatakan bahawa pendidikan terbahagi kepada dua, iaitu pendidikan formal dan pendidikan informal. Pendidikan formal dilaksanakan di sekolah manakala pendidikan informal pula dilaksanakan di luar sekolah. Kesimpulannya pendidikan mempunyai dua cabang yang berbeza namun fungsi dan tujuan adalah sama, iaitu untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku seseorang ke arah yang lebih baik.

### 1.8.4 Lemambang

Terdapat dua pemikiran yang menjelaskan makna *lemambang* dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban. Pertama, iaitu *Lemambang* menurut Saripah Banseng (2017) diertikan sebagai ketua pengamal puisi-puisi masyarakat Iban manakala Kiyai (2021) menjelaskan *lemambang* sebagai pendeta. Kedua-dua pernyataan yang





dijelaskan oleh dua penulis mempunyai makna yang sama namun hanya konsep mereka menerangkan makna *lemambang* melalui cara yang berbeza. Dari sudut pandang dalam kajian ini, *Lemambang* merupakan individu yang mahir dalam menyampaikan puisi-puisi dan juga menjadi pakar mendidik dan memberi panduan dalam masyarakat Iban. Oleh itu *lemambang* dipilih sebagai responden kajian kerana kemahiran dan pengetahuannya yang mendalam terhadap adat istiadat masyarakat Iban, khususnya dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

### 1.8.5 Omen

Menurut Kamus Inggeris - Melayu Dewan (2001) omen didefinisikan sebagai *sign*, alamat, petanda. *Sign*, alamat dan petanda bermaksud petanda buruk atau baik yang akan berlaku kepada seseorang individu. Berdasarkan kajian, omen ialah petanda mahupun alamat yang disampaikan *petara* kepada individu tertentu melalui tujuh burung yang berpengaruh dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.

### 1.8.6 Petara

*Petara* dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban diertikan sebagai Tuhan mahupun Dewa. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, *Petara* lebih bersifat kepada Tuhan kerana apabila berlaku perkara buruk atau baik, upacara miring dan ritual perlu dilaksanakan. Selain itu, masyarakat Iban turut mempunyai pandangan sama seperti penganut agama Hindu yang percaya kepada banyak dewa. Nalong dan Johnny (2007) menjelaskan *Petara* dalam masyarakat Iban dikategorikan kepada tujuh. Tujuh *Petara* tersebut ialah:





- 1) *Petara kayau (God of War/Perang)*
- 2) *Petara penggerai (God of Medicine/Kesihatan)*
- 3) *Petara tanah (God of Land/Tanah)*
- 4) *Petara pemisi (God of Resources/Rezeki/Ttuah)*
- 5) *Petara penempa mensia (God of Creator/Pencipta)*
- 6) *Petara pengelikun (God of Justice/Keadilan)*
- 7) dan *Petara pengaya (God of Wealth/ Kekayaan).*

Ketujuh-tujuh Petara ini merupakan anak kepada Raja Menjaya dan adik beradik kepada Aki Lang Sengalang Burung.

### 1.8.7 Pengarap Lama



Menurut Chemaline Osup (2006:8) *pengarap lama* didefinisikan sebagai kepercayaan tradisional, masyarakat Iban yang berkait dengan kepercayaan tradisi seperti *miring*, *gawai antu*, *gawai burung*, dan *gawai ngar*. Namun kini amalan tersebut kurang diamalkan kerana terdapat beberapa masyarakat Iban yang mengalami perubahan kepercayaan dan agama. Oleh itu, berdasarkan kajian yang dilakukan dapat memberi kefahaman kepada masyarakat Iban terhadap *pengarap lama* yang menjadi tradisi lampau yang harus dipelihara dan dilestarikan sebagai khazanah bangsa.

### 1.8.8 Tuai Rumah

Menurut Noria Tugang (2014:14) *tuai rumah* merujuk kepada seorang ketua kampung yang bertanggungjawab dalam menentukan kelancaran dan kejayaan dalam mentadbir





pelbagai kegiatan di dalam sesebuah rumah panjang. Pemilihan ketua dalam rumah panjang berdasarkan kepada beberapa kriteria yang ada pada individu tersebut. Chemaline Osup (2006: 7) menjelaskan *tuai rumah* lazimnya dipilih daripada warga tua yang berpengalaman dan berpengaruh di rumah panjang berkenaan. Selain itu, *tuai rumah* merupakan individu yang dipilih oleh ahli dalam rumah panjang berdasarkan pengalaman, kenamaan, dan bahkan kekayaan.

Menurut Philip Beginda dan Bilcher Bala (2022:102) *tuai rumah* bertindak sebagai suatu unit asas terpenting dalam menjaga keharmonian dan ketertiban hidup di rumah panjang. Selain itu, Kepimpinan tuai rumah merupakan tunjang kekuatan dalam sesebuah rumah panjang dan memainkan peranan yang cukup signifikan dalam semua aspek kehidupan orang Iban yang merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial (Philip Beginda dan Bilcher Bala, 2022:102). Rumusannya tuai rumah berfungsi dalam mengawal setiap bidang politik, ekonomi dan sosial masyarakat Iban di setiap rumah panjang yang dipimpin oleh tuai rumah tersebut. Hal yang demikian merangkumi pengamalan adat dan kepercayaan tujuh burung omen dari penentuan upacara ritual yang bakal dilaksanakan.

### 1.8.9 Renggat

*Renggat* diertikan sebagai tahap, fasa mahupun peringkat. Nalong dan Johnny (2007) menggunakan perkataan ini bagi menjelaskan perpindahan masyarakat Iban daripada Indonesia ke Sarawak. Masyarakat Iban melakukan aktiviti *bejalai* (mengembara) sebagai amalan kepada anak-anak muda untuk mendapatkan jodoh dan kemegahan. Berdasarkan pernyataan oleh Nalong dan Johnny (2007) menunjukkan bahawa



perpindahan masyarakat Iban ke Sarawak telah melalui empat renggat yang berlaku sekitar tahun 1800 sehingga tahun 1900.

#### 1.8.10 *Bumai*

*Bumai* dapat diertikan sebagai satu aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Iban iaitu berhuma (Chemaline, 2006:4). *Bumai* merupakan aktiviti penting yang dijalankan dalam masyarakat Iban kerana hasil padi merupakan sumber pendapatan utama. Selain peranannya menjadi sumber pendapatan, aktiviti *bumai* mempunyai turut mengadakan ritual seperti *miring*. Hal ini kerana, apabila upacara ritual dilakukan dengan baik akan mempengaruhi hasil tuaian. Oleh itu, setelah mendapat padi huma yang banyak masyarakat Iban akan mengucapkan rasa syukur dalam sebuah pesta iaitu *Gawai Dayak*. Perayaan *Gawai Dayak* merupakan sebuah pesta tanda kesyukuran yang wujud sehingga kini yang diadakan pada 31 Jun pada setiap tahun bagi menandakan tamatnya musim menuai dan tanda kesyukuran mendapat hasil tuaian yang lumayan.

Dalam aktiviti *bumai*, masyarakat Iban sangat mempercayai bunyi atau petanda yang diberikan oleh tujuh burung omen. Masyarakat Iban mempercayai setiap proses yang dilaksanakan ketika aktiviti *bumai* hendaklah menggunakan tujuh burung omen sebagai petunjuk. Hal yang demikian kerana, kejayaan aktiviti *bumai* ini dapat ditentukan oleh petanda yang diberikan tujuh burung omen.



### 1.8.10 *Ngayau*

Menurut Kiyai (2021:121) *ngayau* membawa makna amalan memburu kepala dalam masyarakat Iban yang diamalkan sejak zaman silam dan diberhentikan semasa pemerintahan Rajah Brooke di Sarawak sekitar tahun 1839. Chemaline Osup (2006:6) menjelaskan bahawa *ngayau* sebagai ekspedisi perang yang dijalankan masyarakat Iban bagi membalas serangan dan memenggal kepala musuh (kepala musuh hanya dipenggal setelah mereka terkorban). Menurut kepercayaan masyarakat Iban apabila seorang lelaki dapat membawa kepala musuh, maka lelaki tersebut digelar sebagai *Bujang Berani*. Kepala yang dipenggal dijadikan trofi kepala setelah kepala tersebut dikeringkan melalui upacara-upacara ritual.

Masyarakat Iban turut menggunakan adat dan kepercayaan tujuh burung omen dalam melaksanakan aktiviti *ngayau*. Menurut pandangan masyarakat Iban, tujuh burung omen dapat memberikan mereka arah jalan dan mengelabui mata musuh daripada melihat pasukan masyarakat Iban. Oleh yang demikian, masyarakat Iban sangat menitik beratkan pengamalan adat dan kepercayaan tujuh burung omen dalam aktiviti *ngayau*.

### 1.8.11 *Berduruk*

Vinson dan Joanne Sutlive (2001) menjelaskan *berduruk* sebagai sistem pertukaran tenaga buruh antara sesama sendiri semasa musim menuai. Kepentingan kesatuan dalam sesebuah masyarakat atau negara merupakan amalan yang penting. Oleh itu, secara tidak langsung melalui sistem *berduruk* juga masyarakat Iban dapat memupuk semangat perpaduan dan tolong menolong antara satu dengan yang lain.





Mula dan Kamal (2019:144-145) menyatakan masyarakat Iban di daerah Song, Kapit menjelaskan *berduruk* sebagai *berderau*. Berderau menurut masyarakat Iban di daerah Song, Kapit adalah amalan yang dilaksanakan dalam kegiatan berhumu. Di samping dapat mengeratkan perpaduan antara masyarakat Iban di rumah panjang, *berderau* turut berperanan untuk meringankan dan mempercepatkan proses berhumu kerana dilakukan secara bersama dan berkumpulan. Kegiatan *berduruk* merupakan proses dalam aktiviti berhumu yang di dalamnya menggunakan adat dan kepercayaan tujuh burung omen sebagai wadah dalam menjayakan aktiviti berhumu.

#### 1.8.12 *Ngayap*

Makmur (2013:7) menjelaskan *ngayap* sebagai usaha lelaki bujang dalam masyarakat Iban untuk memikat gadis pada waktu malam. Pernyataan ini turut disokong oleh Sulastri (2017) turut menyatakan *nyagap* sebagai amalan yang dijalankan lelaki bujang dalam masyarakat Iban untuk menemukan gadis pilihan di dalam bilik. Aktiviti *ngayap* pada zaman dahulu sangat popular dan dijadikan sebagai satu amalan penting untuk menyampaikan tanda perkenalan. Namun begitu pada masa kini aktiviti *ngayap* tidak lagi diamalkan kerana telah diharamkan oleh masyarakat Iban dan telah termaktub dalam adat Iban Seksyen 132, 1993 (Makmur, 2013:8). Kesimpulannya, pada *ngayap* merupakan aktiviti yang dilakukan oleh pihak lelaki bagi memulakan sesi perkenalan di bilik tidur perempuan yang disukai sebelum upacara perkahwinan dianjurkan oleh pihak lelaki.

*Ngayap* merupakan aktiviti yang terkandung dalam adat perkahwinan masyarakat Iban dahulu. Dalam proses ini lelaki masyarakat Iban hendaklah



menggunakan petanda daripada tujuh burung omen, kerana kejayaan daripada aktiviti ini dapat ditentukan oleh petanda yang disampaikan oleh burung sehinggalah ke perkahwinan mereka.

### 1.8.13 *Ngambi Indu*

*Ngambi indu* diertikan sebagai menjemput pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki (Chemaline Usop, 2006:14). Pernyataan yang sama dinyatakan Noria Tugang (2014:21) yang menjelaskan *ngambi indu* sebagai rombongan yang datang meminang perempuan bagi menentukan sama ada perempuan itu bersetuju ataupun tidak. Dalam adat dan perkahwinan masyarakat Iban pihak lelaki akan menghantar satu rombongan yang bertujuan untuk menjemput pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki.

Haslinda (2018:85) menyatakan rombongan *ngambi indu* diiringi dengan pukulan gendang seperti gong dan gendang yang nyaring sepanjang jalan sehingga tiba ke tempat pengantin perempuan. Tujuan masyarakat Iban mengiringi rombongan tersebut dengan pukulan gendang dan gong yang nyaring untuk mengelakkan rombongan tersebut dari mendengar bunyi atau petanda burung yang tidak baik. Adat perkahwinan masyarakat Iban agak berbeza dengan masyarakat yang lain kerana mereka tidak mengadakan upacara pertunangan. Namun sebelum kedua-dua mempelai dinikahkan masyarakat Iban akan membuat kesepakatan mengenai isu *nguai*. *Nguai* menurut Haslinda (2018:85) adalah penyelesaian mengenai tempat tinggal setelah menikah.

Rumusannya adat dalam perkahwinan masyarakat Iban terdapat beberapa fasa yang dimulai dengan *ngayap*. Setelah *ngayap* berjalan dengan lancar dan

kedua bersetuju untuk bersama, maka pihak lelaki akan menghantar rombongan untuk *nanya indu*. Dalam menghantar rombongan pihak lelaki akan berbincang dengan keluarga perempuan mengenai tarikh perkahwinan, isu *nguai*, dan *berian* (hantaran) yang diminta oleh pihak perempuan. Setelah menyelesaikan perkara tersebut maka perkahwinan akan dilangsungkan berdasarkan tarikh yang dipilih.

#### 1.8.14 Burung

Darmawan (2006) menjelaskan burung sebagai haiwan yang memiliki bulu, bersayap, mempunyai dua kaki jantung memiliki empat ruang, rangka yang ringan berdarah panas dan bertelur. Berdasarkan perspektif masyarakat Iban burung dianggap sebagai haiwan yang suci kerana berperanan untuk menyampaikan petanda yang diberikan oleh *Petara* kepada mereka. Patricia Ganing (2017:24) menyatakan masyarakat Iban mempercayai bunyi burung sebagai petanda yang diberikan oleh *Petara* ketika mengerjakan aktiviti seharian mereka.

Di samping itu burung yang dimaksudkan tidak hanya mewakili bunyi burung sahaja. Malah, burung yang dijelaskan merangkumi petanda lain seperti mimpi, petanda yang disampaikan oleh haiwan-haiwan yang lain dan petanda alam seperti hujan. Pernyataan tersebut membuktikan bahawa dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban burung mewakili simbol dan petanda yang menimbulkan imej-imej arketaip seperti hubungan antara manusia dengan alam ghaib (Laura Seman, 2020:90).

Rumusannya, burung mengikut interpretasi pemikiran masyarakat Iban dalam adat dan kepercayaan adalah dianggap suci. Hal yang demikian kerana burung merupakan wadah utama mereka berhubung dengan *Petara*. Oleh itu dalam upacara

ritual seperti miring, masyarakat Iban memberi penghormatan khas yang ditujukan kepada burung-burung terpilih seperti tujuh burung omen.

## 1.9 Penutup

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai murni dalam adat tujuh burung omen yang membentuk karakter murid-murid Iban di sekolah. Tujuh burung yang dipilih dalam penyelidikan ini, iaitu Bejampung (*Crested Jay*), Embuas (*Banded Kingfisher*), Beragai (*Scarlet-Rumped Trogon*), Papau (*Diard's Trogon*), Ketupung (*Rufous Piculet*), Nendak (*White-Rumped Shama*) dan Pangkas (*Maroon Woodpecker*). Ketujuh-tujuh burung merupakan burung yang dipercayai dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban. Oleh itu topik utama dalam penyelidikan ialah berkisar mengenai tujuh burung omen yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam melakukan aktiviti seharian. Panduan yang ada pada adat dan kepercayaan tujuh burung omen ini bukan hanya ritual dan mitos semata-mata, namun panduan dan didikan yang mendedahkan masyarakat Iban khususnya murid-murid Iban di sekolah untuk hidup berdikari setelah mereka tamat menjalani pendidikan secara formal. Berbekalkan panduan dan didikan dalam aktiviti seperti berhuma, bercucuk tanam, mencari lauk pauk di hutan, memancing, memburu dan bahkan bertukang, penyelidikan ini akan menjadikan murid-murid Iban di sekolah mahir melakukan pelbagai kerja-kerja yang menjadi sumber pendapatan mereka kelak.

Selain itu kajian ini mengutarakan tiga objektif kajian seperti untuk menjelaskan bahasa kiasan dalam petanda tujuh burung omen, fungsi tujuh burung omen melalui pendidikan formal dan informal serta objektif yang ketiga iaitu berkaitan dengan nilai murni yang disematkan bagi tujuan mendidik serta membudayakan masyarakat Iban.

Objektif kajian yang pertama jika digunakan oleh guru sebagai rujukan, akan memberi impak yang baik kepada pembentukan karakter para murid melalui cara berkomunikasi dan berinteraksi. Objektif yang kedua pula menjelaskan fungsi pendidikan formal dan pendidikan yang menjadi landasan dalam mendidik para murid dalam kemahiran-kemahiran yang ada pada masyarakat Iban seperti bercucuk tanam, berhuma da sebagainya. Objektif kedua ini memberikan impak jangka panjang kepada para murid kerana menjadi kemahiran yang diperlukan mereka setelah selesainya menjalani pendidikan formal di sekolah. Objektif yang ketiga pula menjelaskan nilai murni yang menjadi landasan utama kepada pembentukan karakter murid pada masa kini.

Kesimpulannya sebagai sebuah masyarakat yang menempatkan diri di seluruh pelosok negeri Sarawak, lazimnya masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat yang kaya dengan adat dan kepercayaan. Meskipun masyarakat Iban dalam satu rumpun yang sama namun begitu adat dan kepercayaan mempunyai nilai perbezaan yang ketara. Oleh itu kajian ini memilih tiga lokasi yang berbeza iaitu Bintulu, Miri dan Sarikei sebagai lokasi kajian untuk menganalisis pemikiran masyarakat Iban dalam bahasa kiasan berkaitan petanda, fungsi pendidikan formal dan informal serta nilai murni yang terdapat dalam adat dan kepercayaan tujuh burung omen.